

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN
[SELAYANG]**

TARIKH : 27 MEI 2015

RUJUKAN : 7906

SOALAN:

Tuan William Leong Jee Keen [Selayang] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah pekerja asing yang mendapat kelulusan Pas Pekerja (*Employment Pass*) bagi tahun 2009 hingga 2014 dan apakah dasar untuk membenarkan pekerja asing diteruskan.

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

Warga asing yang bekerja sebagai professional (mahir) di Malaysia adalah dikenali sebagai pegawai dagang. Tiga (3) kategori pegawai dagang adalah seperti berikut:

KATEGORI	JAWATAN
1. Pengurusan Tertinggi (<i>Key Post</i>)	Terdiri daripada jawatan Pengurusan Peringkat Tertinggi di syarikat. Jawatan ini diperlukan untuk menjaga kepentingan pelaburan syarikat di negara ini. Selain itu, penyandang jawatan tersebut terlibat dalam menentukan polisi dan hala tuju syarikat serta tertakluk pada syarat modal berbayar. Contoh jawatan adalah <i>Chairman, Managing Director, Chief Executive Officer, General Manager, Technical Director</i> .
2. Eksekutif	Terdiri daripada jawatan bidang Profesional / Pengurusan Peringkat Pertengahan. Penyandang jawatan ini memerlukan kelayakan, pengalaman dan kemahiran praktikal bidang berkaitan. Di samping itu, penyandang bertanggungjawab melaksanakan polisi syarikat serta pengawasan kakitangan bawahan. Contoh jawatan seperti <i>Marketing</i>

	<i>Manager, Production Manager, Engineer, Lecturer, Doctor, Quantity Surveyor.</i>
3. Pekerja Mahir	Terdiri daripada jawatan di bidang yang berkemahiran tinggi. Penyandang jawatan memerlukan pengalaman dan kemahiran teknikal berkaitan. Contoh jawatan seperti <i>Welder, Mould Maker, Machinist, Technician Designer, Assistant Engineer, Pipe Fitter, Tool & Die Maker.</i>

Pegawai dagang dikeluarkan Pas Penggajian bagi membolehkan mereka tinggal dan bekerja secara sah di negara ini. Pengeluaran Pas Penggajian diberikan berdasarkan kepada dua kategori iaitu:

KATEGORI	SYARAT GAJI	TEMPOH KONTRAK
I	Melebihi RM 5,000	2 tahun ke atas
II	Kurang daripada RM 5,000	Kurang dari 2 tahun

Pegawai Dagang dikategorikan mengikut 14 sektor utama iaitu:

1. Sektor Pembinaan;
2. Sektor Pendidikan;
3. Sektor Teknologi Maklumat;
4. Sektor Kewangan;
5. Sektor Perubatan;
6. Sektor Pertanian;
7. Sektor Pembuatan;

8. **Sektor Pelancongan;**
9. **Sektor Perdagangan;**
10. **Sektor Pengangkutan;**
11. **Sektor Perkhidmatan;**
12. **Sektor Perlombongan;**
13. **Sektor Petroleum; dan**
14. **Sektor Sukan.**

Jumlah pegawai dagang yang berdaftar secara sah dan dikeluarkan Pas Penggajian (*Employment Pass*) bagi tahun 2009 sehingga 2014 adalah seperti berikut:

BIL.	TAHUN	JUMLAH (ORANG)
1.	2009	32,138
2.	2010	32,583
3.	2011	45,619
4.	2012	61,113
5.	2013	81,991
6.	2014	150,387

Selain daripada pegawai dagang, terdapat satu lagi kategori pekerja asing yang dibenarkan bekerja di Malaysia bagi jawatan kurang/tidak mahir termasuk kerja-kerja 3D (*Dirty, Dangerous, Difficult*). Pekerja asing kurang/tidak mahir ini adalah merupakan warga asing yang dikeluarkan Pas Lawatan Kerja Sementara (PLKS) dan hanya dibenarkan bekerja di lima (5) sektor iaitu sektor pembinaan, perkilangan, perkhidmatan, perladangan dan pertanian serta satu (1) sektor informal iaitu pembantu rumah asing.

Jumlah pekerja asing yang memegang Pas Lawatan Kerja Sementara (PLKS) yang masih sah dan aktif bagi tahun 2009 sehingga 2014 adalah seperti berikut:

BIL.	TAHUN	JUMLAH (ORANG)
1.	2009	1,918,146
2.	2010	1,817,871
3.	2011	1,573,061
4.	2012	1,571,589
5.	2013	2,250,322
6.	2014	2,073,414

Kerajaan sentiasa memberi keutamaan kepada warga tempatan untuk mengisi peluang pekerjaan yang ditawarkan di pelbagai sektor. Pengambilan pekerja asing kurang/tidak mahir hanya dibenarkan sebagai langkah sementara bagi mengisi keperluan tenaga kerja yang gagal diisi oleh warga tempatan. Malahan, pengambilan pekerja asing ini ditentukan berdasarkan keperluan sebenar majikan dan nisbah kelayakan yang ditetapkan oleh Agensi Kawal Selia sektor berkenaan.